



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	11/1/2020	MUKA SURAT	:	23
JABATAN	:	JPS			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			



Pengunjung Medan Ikan Bakar Serkam berkurangan akibat pencemaran bau

Oleh Amir Mamat
am@hmetro.com.my

Jasin

Medan Ikan Bakar Serkam yang sering dikunjungi pengemar makanan laut kini tercemar dengan bau busuk.

Bau itu didakwa berpunca dari muara di Kuala Serkam Pantai yang bersebelahan medan selera yang dicemari sisa kumbahan kilang berhampiran kawasan berkenaan.

Kedadaan yang berlarutan sejak sebulan lalu itu bukan saja memberi kesan kepada jumlah pengunjung ke medan ikan bakar, malah turut menjejaskan pendapatan nelayan.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kuala Serkam Pantai Md Sah Hashim berkata, keadaan itu berlaku setiap kali air laut surut apabila sisa air hitam berkenaan mengalir dari hulu kuala ke kawasan pantai.

Katanya, pihaknya mengajukan masalah berkenaan kepada Jabatan Alam Sekitar



AIR hitam pekat yang mengalir dari hulu muara dipercayai sisa kumbahan beberapa kilang berhampiran Kuala Serkam Pantai.

(JAS) namun sehingga kini belum diambil tindakan.

“Ia tidak pernah berlaku sebelum ini namun sejak sebulan lalu, keadaan itu membelenggu nelayan.

“Ia memberi kesan kepada lebih 50 nelayan serta pengusaha medan ikan bakar,” katanya ketika ditemui di Kuala Serkam Pantai di sini, semalam.

Nelayan, Shamsudin Abd Aziz, 56, berha-

rap tindakan segera diambil bagi mengelak masalah lebih besar.

Katanya, air tercemar mengurangkan hasil tangkapan terutama udang selain menjejaskan ikan air tawar seperti haruan.

“Ia menjejaskan sumber tangkapan kami. Sebelum ini kami boleh tangkap udang lebih sekilogram, namun kini ia berkurangan.

“Hasil laut tidak menentu, tetapi sejak berlaku pencemaran hasil tangkapan semakin berkurangan,” katanya.

Pencemaran berlarutan sejak sebulan